

Pujangga Melayu Karya Mohd. Affandi Hassan: Satu Perbincangan terhadap Resepsi Awal Penerbitannya sebagai Sebuah ‘Novel Tetralogi’

BITARAVolume 3, Issue 2, 2020: 001-019
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Pujangga Melayu by Mohd. Affandi Hassan: A Preliminary Discussion on the Publishing reception as a 'Novel Tetralogy']

**Akalily Narmi,¹ Mohd. Zariat Abdul Rani,¹ Kamariah Kamarudin¹
& Pabiyah Hajimaming @ Toklubok¹**

Abstrak

Pujangga Melayu merupakan sebuah ‘novel tetralogi’ karya Mohd. Affandi Hassan yang menggabungkan empat buah novel yang terlebih dahulu diterbitkan secara berasingan, iaitu Jejak Warisan (1994), Citra Pujangga (1994), Tampang Sasterawan (1994) dan Wajah Pendeta (1996). Sebelum Pujangga Melayu terbit sebagai novel tetralogi, kehadiran empat buah novel yang diterbitkan secara berasingan itu telah mengundang beberapa kajian ilmiah yang meneliti novel-novel tersebut secara berasingan. Kajian-kajian ilmiah tersebut cenderung menanggapi Jejak Warisan (1994), Citra Pujangga (1994) dan Tampang Sasterawan (1994) sebagai sebuah novel ilmu yang dikatakan mengandungi idea dan pemikiran. Berdasarkan rumusan ini, perkara penting yang perlu ditekankan ialah hakikat bahawa kajian-kajian ilmiah tersebut sebenarnya meneliti novel-novel itu secara berasingan. Dengan meneliti novel-novel tersebut secara berasingan, hasil analisis serta kesimpulan yang diutarakan dalam kajian-kajian ilmiah tersebut pada asasnya adalah diasaskan pada skop cerita serta tempoh penceritaan yang terbatas, iaitu sekadar yang ditawarkan oleh novel-novel itu sendiri. Adalah jelas bahawa kajian-kajian ilmiah tersebut tidak menangani Pujangga Melayu sebagai sebuah novel tetralogi yang sebenarnya menghubungkan cerita antara keempat-empat novel dan sekali gus memperluas skop cerita serta tempoh penceritaannya. Hal ini dengan sendirinya menawarkan pengamatan yang menarik, terutamanya soal keupayaan Pujangga Melayu dalam mempertahankan kecenderungannya terhadap idea dan pemikiran, terutamanya dalam konteks kedudukannya sebagai sebuah novel tetralogi. Dalam konteks artikel ini, antara soalan penting yang wajar diberikan perhatian ialah apakah resepsi awal yang diterima oleh Pujangga Melayu setelah skop cerita serta tempoh penceritaan keempat-empat novel itu dirangkumkan di bawah sebuah judul yang sama? Lanjutan daripada persoalan tersebut, artikel ini diusahakan untuk membincangkan dan merumuskan resepsi awal terhadap novel Pujangga Melayu selepas penerbitannya sebagai sebuah novel tetralogi. Untuk itu, artikel ini akan memberikan tumpuan terhadap tiga kertas kerja yang dibentangkan dalam majlis Diskusi Buku: Pujangga Melayu oleh Mohd. Affandi Hassan. Artikel ini memilih untuk menggunakan kaedah Bacaan Rapi bagi menganalisis ketiga-tiga kertas kerja tersebut. Dengan itu, kajian ini merumuskan bahawa Pujangga Melayu berupaya dalam mempertahankan kecenderungannya terhadap idea dan pemikiran, terutamanya dalam konteks kedudukannya sebagai sebuah novel tetralogi.

Kata Kunci

Pujangga Melayu, Novel Tetralogi, Ilmu, Idea, Pemikiran.

¹ Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Mohd. Zariat Abdul Rani, Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Jalan Universiti 1 Serdang, 43400 Seri Kembangan, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: zariat@upm.edu.my

Abstract

Pujangga Melayu is a 'novel tetralogy' by Mohd. Affandi Hassan combining four novels were first published separately, the *Jejak Warisan* (1994), *Citra Pujangga* (1994), *Tampang Sasterawan* (1994) dan *Wajah Pendeta* (1996). Before the *Pujangga Melayu* published as a novel tetralogy, the presence of four novels published separately it has invited several scientific studies that examine the novels separately. Scientific studies tend to respond *Jejak Warisan* (1994), *Citra Pujangga* (1994) dan *Tampang Sasterawan* (1994) as a novel knowledge that is said to contain ideas and thoughts. Based on this formula, the important thing to emphasize is the fact that scientific studies are actually researching the novels individually. By researching the novels separately, the analysis and conclusions expressed in these scientific studies is essentially founded on the scope of the story and the telling of a limited duration, that is simply offered by the novels themselves. It is clear that scientific studies do not deal with the *Pujangga Melayu* as a novel tetralogy actually relates the story of four novels and thereby expand the scope and duration of story telling. This in itself offers an interesting observation, especially the question of the ability of *Pujangga Melayu* in defending his penchant for ideas and thinking, especially in the context of its position as a novel tetralogy. In the context of this article, the key questions that should be given attention is the beginning of the reception received by the *Pujangga Melayu* after the scope and duration of story telling of the four novels that are included under the same title? Further to this question, this article attempted to discuss and formulate the initial reception of the novel *Pujangga Melayu* after its publication as a novel tetralogy. Therefore, this article will focus on the three papers presented at the ceremony Book Discussion: *Pujangga Melayu* by Mohd. Affandi Hassan. This article has chosen to adopt intensive reading methods for analyzing the three paper. Thus, this study concluded that the *Pujangga Melayu* seeks to maintain the trend of ideas and thoughts, especially in the context of its position as a novel tetralog'.

Kata Kunci

Pujangga Melayu, Novel Tetralogi, knowledge, Ideas, thought.

Cite This Article:

Akalily Narmi, Mohd. Zariat Abdul Rani, Kamariah Kamarudin & Pabiyah Hajimaming @ Toklubok. 2020. *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi Hassan: Satu perbincangan terhadap resepsi awal penerbitannya sebagai sebuah 'novel tetralogi'. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 001-019.

Pengenalan

Pujangga Melayu merupakan sebuah "novel tetralogi" karya Mohd. Affandi Hassan yang menggabungkan empat buah novel yang terlebih dahulu diterbitkan secara berasingan, iaitu *Jejak Warisan* (1994), *Citra Pujangga* (1994), *Tampang Sasterawan* (1994) dan *Wajah Pendeta* (1996). "Novel tetralogi" yang dimaksudkan dalam artikel ini merujuk kepada kumpulan empat buah novel yang bersambungan dan kemudiannya disatukan menjadi sebuah karya kreatif yang lengkap (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2002: 36).

Sebagai sebuah novel tetralogi, *Pujangga Melayu* telah diterbitkan sebanyak dua kali dalam dua edisi yang berlainan, iaitu edisi pertama terbit pada tahun 1997 oleh Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., manakala edisi kedua pula terbit pada tahun 2017 oleh Penerbit Wadi Al-Irfan. Sebelum *Pujangga Melayu* terbit sebagai novel tetralogi, kehadiran novel *Jejak Warisan* (1994), *Citra Pujangga* (1994), *Tampang Sasterawan* (1994) dan *Wajah Pendeta* (1996) secara berasingan itu telah mengundang beberapa kajian ilmiah yang meneliti keempat-empat novel tersebut secara berasingan. Antaranya kajian oleh Abdullah Tahir bertajuk "Novel-Novel Mohd. Affandi Hassan: Meneliti Kemungkinan Penerapan Konsep "Persuratan Baru Melayu"

(1995). Makalah Abdullah Tahir yang terbit pada tahun 1995 itu hanya meneliti novel *Jejak Warisan*, *Citra Pujangga* dan *Tampang Sasterawan* sahaja kerana novel *Wajah Pendeta* masih belum diterbitkan pada waktu itu. Makalah Abdullah Tahir ini antaranya bertujuan meneliti ciri-ciri Persuratan Baru yang diterjemahkan dalam tiga novel karya Mohd. Affandi Hassan itu. Pada hemat Abdullah Tahir, novel *Jejak Warisan* tidak menonjolkan sepenuhnya konsep Persuratan Baru, berbanding *Citra Pujangga* dan *Tampang Sasterawan*. Namun begitu, Abdullah Tahir (1995: 55) berpendapat bahawa novel *Jejak Warisan*, *Citra Pujangga* dan *Tampang Sasterawan* mempunyai jalinan cerita yang jelas dan tersusun mengikut urutannya, jika dibandingkan dengan novel Mohd. Affandi Hassan yang sebelumnya iaitu *Aligupit* (1993). Secara keseluruhannya, makalah Abdullah Tahir menyimpulkan bahawa novel *Citra Pujangga* dan *Tampang Sasterawan* berhasil dalam menerapkan idea pokok Persuratan Baru yang menekankan idea dan pemikiran.

Seterusnya, rencana yang ditulis oleh Zainol Idris bertajuk "*Tampang Sasterawan: Persuratan Lawan Kesusasteraan*" (1995) turut membincangkan novel *Jejak Warisan*, *Citra Pujangga* dan *Tampang Sasterawan*. Rencana ini antaranya bertujuan meneliti falsafah persuratan dan falsafah sastera dalam novel-novel Mohd. Affandi Hassan itu. Sehubungan itu, Zainol Idris menganggap novel-novel Mohd. Affandi Hassan terutamanya *Tampang Sasterawan* menyanggah pemahaman umum mengenai "kesusasteraan" dan "sasterawan". Menurut Zainol Idris (1995: 42), novel *Tampang Sasterawan* menolak falsafah "kesusasteraan" kerana menganggap "hawa nafsu" termasuk perasaan, khayalan, emosi dan imaginasi sebagai asas penulisan karya sastera. Zainol Idris (1995: 42) menjelaskan bahawa asas penulisan dan falsafah "kesusasteraan" yang sedemikian adalah bertentangan dengan asas penulisan dan falsafah "persuratan" yang menjadikan *Taklif* sebagai ukurannya. Dalam rencananya, Zainol Idris (1995: 42) menjelaskan bahawa kesungguhan Mohd. Affandi Hassan untuk menggantikan falsafah "kesusasteraan" dengan falsafah "persuratan" seharusnya mendapat perhatian yang sewajarnya, selain mengundang perbincangan lanjut pelbagai pihak, khususnya dalam kalangan sarjana sastera. Secara keseluruhannya, rencana Zainol Idris (1995: 42) menyimpulkan bahawa aliran dan wacana sastera Melayu moden pada masa kini kebanyakannya diimport dari Barat dengan alasan "mengglobalisasikan sastera Melayu" (ayat Zainol Idris sendiri). Justeru, Zainol Idris (1995: 42) menyeru para sasterawan dan pengkritik sastera Melayu untuk memberikan perhatian yang serius terhadap gagasan Mohd. Affandi Hassan terutama idea beliau tentang falsafah "persuratan" yang dikemukakan dalam novel *Jejak Warisan*, *Citra Pujangga* dan *Tampang Sasterawan*.

Selain itu, tulisan oleh Ratu Adil yang bertajuk "Konsep Persuratan Baru Affandi Kabur" (1994) juga membincangkan novel *Jejak Warisan* oleh Mohd. Affandi Hassan. Tulisan Ratu Adil ini antaranya bertujuan mengulas rencana Mohd. Affandi Hassan yang bertajuk "Mengapa Saya Menulis *Aligupit*". Menurut Ratu Adil (1994: 20), rencana Mohd. Affandi Hassan itu seolah-olah memaksa penulis serta pengkritik sastera tempatan untuk menerima sepenuhnya gagasan Persuratan Baru yang dicetuskan olehnya. Ratu Adil (1994: 20) berpendapat bahawa gagasan Persuratan Baru masih "kabur" (istilah Ratu Adil sendiri) kerana tidak dihuraikan dalam satu tulisan khusus yang membincangkan idea tersebut secara tuntas. Perlu ditekankan bahawa meskipun gagasan Persuratan Baru dianggap masih 'kabur', namun adalah jelas bahawa tulisan Ratu Adil ini tidak menafikan bahawa adanya idea dalam novel *Pujangga Melayu*.

Berdasarkan sorotan literatur di atas, beberapa pengamatan penting dapat diamati. Antaranya, kajian-kajian yang disoroti di atas cenderung menanggapi *Jejak Warisan* (1994), *Citra Pujangga* (1994) dan *Tampang Sasterawan* (1994) sebagai sebuah novel ilmu yang dikatakan mengandung idea dan pemikiran. Berdasarkan hasil analisis dan rumusan ini, perkara penting yang perlu ditekankan ialah hakikat bahawa kajian-kajian ilmiah di atas sebenarnya meneliti novel-novel itu secara berasingan. Dengan meneliti novel-novel tersebut secara berasingan, hasil analisis serta kesimpulan yang diutarakan dalam kajian-kajian ilmiah di atas pada asasnya adalah diasaskan pada skop cerita serta tempoh penceritaan yang terbatas, iaitu sekadar yang ditawarkan oleh novel-novel itu sendiri. Adalah jelas bahawa kajian-kajian ilmiah di atas tidak menangani *Pujangga Melayu* sebagai sebuah novel tetralogi yang sebenarnya menghubungkan cerita antara keempat-empat novel dan sekaligus memperluas skop cerita serta tempoh penceritaannya. Hal ini dengan sendirinya menawarkan pengamatan yang menarik, terutamanya soal keupayaan *Pujangga Melayu* dalam mempertahankan kecenderungannya terhadap idea dan pemikiran, terutamanya dalam konteks kedudukannya sebagai sebuah novel tetralogi. Dalam konteks artikel ini, antara soalan penting yang wajar diberikan perhatian ialah apakah resepsi awal yang diterima oleh *Pujangga Melayu* setelah skop cerita serta tempoh penceritaan keempat-empat novel di atas dirangkumkan di bawah sebuah judul yang sama? Lanjutan daripada persoalan di atas, artikel ini diusahakan untuk membincangkan dan seterusnya merumuskan resepsi awal terhadap novel *Pujangga Melayu* selepas penerbitannya sebagai sebuah novel tetralogi.

Sehubungan itu, artikel ini akan memberikan tumpuan terhadap tiga kertas kerja yang dibentangkan dalam majlis Diskusi Buku: *Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi Hassan yang dianjurkan oleh Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Sudut Penulis, DBP Kuala Lumpur, pada 27 Februari 2002. Tiga kertas kerja itu ialah “*Pujangga Melayu*: Mohd. Affandi Hassan: Satu Interpretasi Pemikiran Pengarang” oleh Mohamad Mokhtar Hassan, “*Pujangga Melayu*, Pujangga Idaman: problematika identiti Melayu-Muslim Malaysia” oleh Shamsul Amri Baharuddin, dan “*Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi Hassan: Satu Perbincangan Awal” oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir. Penting untuk dijelaskan bahawa diskusi yang diadakan setelah lima tahun *Pujangga Melayu* diterbitkan sebagai novel tetralogi itu merupakan majlis yang pertama dianjurkan bagi mendiskusikan novel *Pujangga Melayu*. Oleh yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa kertas-kertas kerja yang dibentangkan ketika majlis diskusi tersebut merupakan antara resepsi awal terhadap *Pujangga Melayu* sebagai sebuah novel tetralogi. Menarik untuk dijelaskan di sini bahawa kertas kerja Ungku Maimunah Mohd. Tahir dalam majlis diskusi buku tersebut kemudiannya terbit dalam majalah Dewan Sastera bulan Ogos tahun 2002 dengan judul “Bagaimanakah *Pujangga Melayu* Harus Ditafsirkan” (2002). Penting untuk dijelaskan juga bahawa majalah *Dewan Sastera* edisi yang sama turut menerbitkan rencana Mohd. Affandi Hassan bertajuk “*Pujangga Melayu* dan Persuratan Baru Menjadi Duri dalam Daging Sastera Melayu Moden?” (2002). Rencana ini mengandungi reaksi kritis terhadap ketiga-tiga kertas kerja yang dibentangkan dalam majlis diskusi buku itu. Justeru, dalam membincangkan ketiga-tiga kertas kerja berkenaan, artikel ini akan turut memanfaatkan komen kritis daripada Mohd. Affandi Hassan pada mana-mana bahagian perbincangan yang relevan. Sehubungan itu, artikel ini memilih untuk memanfaatkan metode bacaan rapi (*close reading*) ke atas resepsi awal tersebut, dan menganalisis dapatan-dapatan ilmiah yang

diutarakan oleh para sarjana, pengkritik dan pengkaji sastra dalam menangani novel *Pujangga Melayu* dalam kertas kerja mereka. Seterusnya, perbincangan dalam artikel ini akan dilakukan secara berurutan bagi membolehkan idea-idea pokok yang terkandung dalam kertas-kertas kerja berkenaan dibincangkan secara tuntas.

'Pujangga Melayu: Mohd. Affandi Hassan: Satu Interpretasi Pemikiran Pengarang' oleh Mohamad Mokhtar Hassan

Perbincangan ini dimulakan dengan membincangkan kertas kerja oleh Mohamad Mokhtar Hassan yang bertajuk "*Pujangga Melayu: Mohd. Affandi Hassan: Satu Interpretasi Pemikiran Pengarang*" (2002). Dalam kertas kerja ini, Mohamad Mokhtar Hassan antara lain memperakukan kecenderungan *Pujangga Melayu* terhadap ilmu, sebagaimana yang diperakukannya, "Ternyata novel ini [merujuk *Pujangga Melayu*] lebih banyak berkisar kepada ilmu" (Mohamad Mokhtar Hassan, 2002: 2). Hal ini menurut Mohamad Mokhtar Hassan jelas apabila cerita secara keseluruhannya tertumpu pada watak Profesor Awang, seorang ilmuwan yang sejak dari kecil dibesarkan dalam suasana keilmuan. Selain itu ialah watak Tok Ayah yang alim serta bijaksana, yang juga merupakan datuk kepada watak Profesor Awang. Tumpuan terhadap watak-watak berilmu dianggap telah membolehkan *Pujangga Melayu* diisi dengan cerita-cerita seperti nasihat Tok Ayah kepada Awang, Awang melanjutkan pelajaran ke luar negara, serta usahanya untuk menubuhkan Universiti Islam Darulnaim. Melalui penampilan watak-watak ini juga terutamanya watak Profesor Awang, *Pujangga Melayu* menurut Mohamad Mokhtar Hassan mengutarakan gagasan (Mohamad Mokhtar Hassan menyebutnya sebagai "teori") Persuratan Baru, iaitu satu gagasan Mohd. Affandi Hassan untuk memajukan kesusasteraan Melayu. Menurut Mohamad Mokhtar Hassan, dalam usahanya untuk menjelaskan tentang Persuratan Baru, *Pujangga Melayu* antara lain membahaskan tentang teori ilmu, hakikat kejadian insan dan hakikat amal (Mohamad Mokhtar Hassan, 2002: 2), sebagaimana yang dijelaskan oleh Mohamad Mokhtar Hassan dalam petikan berikut:-

Melalui novel ini, Mohd. Affandi Hassan turut membincangkan teori Persuratan Baru yang cuba diperkenalkannya itu. Sebelum sampai kepada penjelasan teori tersebut, Mohd. Affandi Hassan melalui watak ayah Awang, menjelaskan 3 perkara asas yang perlu diketahui oleh manusia, iaitu teori ilmu, hakikat kejadian insan dan hakikat amal (Mohamad Mokhtar Hassan, 2002: 2).

Tidak kurang menarik ialah pandangan Mohamad Mokhtar Hassan (2002: 9) yang berpendapat bahawa *Pujangga Melayu* sarat dengan kritikan yang "agak pedas" (istilah Mohamad Mokhtar Hassan sendiri). Hal ini antaranya merujuk kepada kritikan terhadap beberapa bidang pekerjaan termasuk wartawan. Merujuk kepada pekerjaan ini, Mohamad Mokhtar Hassan nyata tidak menyenangi kritikan Mohd. Affandi Hassan yang menganggap wartawan sebagai satu profesion yang disifatkan seperti "orang-orang yang turut ke bendang, semestinya kotor dengan lumpur" (tanda kutip merupakan ayat Mohamad Mokhtar Hassan, 2002: 16). Mohamad Mokhtar Hassan menghujahkan bahawa ada wartawan yang sedia menggorbankan nyawa sendiri demi mendapatkan berita untuk tatapan pembaca, sebagaimana katanya, "Malah para wartawan sanggup menggadaikan nyawa semata-mata untuk memberi maklumat kepada pembaca" (Mohamad Mokhtar Hassan, 2002: 16). Adalah menarik apabila

pandangan Mohamad Mokhtar Hassan ini mendapat reaksi daripada Mohd. Affandi Hassan yang menganggap bahawa hujah tentang wartawan yang sanggup bergadai nyawa demi mendapatkan berita itu “sangat aneh” (ungkapan Mohd. Affandi Hassan sendiri) kerana perbuatan itu bukanlah suatu hal yang mulia sebagaimana diibaratkannya dengan perompak yang bertarung nyawa untuk melakukan rompakan (Mohd. Affandi Hassan, 2002: 8).

Selain kritikan yang dianggap pedas itu, kertas kerja Mohamad Mokhtar Hassan ini turut membangkitkan tentang apa yang disebutnya sebagai “kekeliruan fakta” yang dianggap menjejaskan penjelasan tentang Persuratan Baru (Mohamad Mokhtar Hassan, 2002: 16). Kekeliruan ini antaranya merujuk kepada penjelasan Mohd. Affandi Hassan (*Pujangga Melayu*, hlm. 57) bahawa sumber ilmu menurut Islam diperoleh melalui empat sumber, iaitu wahyu (al-Quran), As-Sunnah, pengalaman dan akal manusia. Sebaliknya, menurut Mohamad Mokhtar Hassan, dalam halaman 381 (*Pujangga Melayu*), Mohd. Affandi Hassan menyatakan bahawa sumber ilmu diperoleh melalui tiga sumber iaitu wahyu, akal dan pengalaman, sebagaimana yang dijelaskan oleh Mohamad Mokhtar Hassan dalam petikan berikut:-

Dalam meneliti novel ini, khususnya dalam memperkatakan tentang teori Persuratan Baru, ditemui beberapa kekeliruan fakta yang menyebabkan teori ini menjadi samar-samar. Sebagai misalannya, dalam halaman 57 dijelaskan bahawa ilmu dapat diperoleh melalui empat sumber, iaitu wahyu, yakni al-Quran; sunnah; pengalaman dan akal. Manakala dalam halaman 381 pula ilmu dapat diperoleh daripada 3 sumber, iaitu wahyu, akal dan pengalaman. Persoalannya yang manakah lebih tepat? (Mohamad Mokhtar Hassan, 2002: 16).

Adalah jelas bahawa “kekeliruan fakta” yang dinyatakan itu hanya merujuk kepada perincian yang diberikan oleh Mohd. Affandi Hassan apabila menyebut al-Quran dan as-Sunnah sebagai sumber ilmu yang diperoleh melalui wahyu. Perincian ini sebenarnya tidak menyalahi fakta mengenai sumber ilmu menurut tradisi keilmuan Islam.

Selain itu, menurut Mohamad Mokhtar Hassan (2002:17) kekeliruan fakta turut terjadi apabila Mohd. Affandi Hassan membahaskan pandangan Plato tentang mimesis (peniruan). Menurut Mohamad Mokhtar Hassan, Plato memberikan contoh dengan membandingkan katil yang diciptakan oleh Dewata, dengan katil yang dibuat oleh tukang kayu, serta imej katil yang dilukis oleh pelukis. Menurut Mohamad Mokhtar Hassan lagi, Plato berpendapat bahawa imej katil yang dilukis oleh pelukis itu berada pada tingkat yang paling rendah (tingkat ketiga) “kebenarannya” (ketepatannya), berbanding katil ciptaan Dewata (tingkat paling tinggi), serta katil yang dibuat oleh tukang kayu (yang berada pada tingkat kedua). Kekeliruan fakta dalam *Pujangga Melayu*, menurut Mohamad Mokhtar Hassan terjadi apabila Mohd. Affandi Hassan menyifatkan “sasterawan” sebagai lebih rendah martabatnya daripada seorang tukang kayu. Dalam hal ini, Mohamad Mokhtar Hassan menghujahkan bahawa Plato tidak menyebut golongan “sasterawan”, sebaliknya menamakan golongan “penyair” sebagai lebih rendah daripada tukang kayu. Dapat dikatakan bahawa Mohamad Mokhtar Hassan tidak memahami bahawa istilah “sasterawan” yang digunakan Mohd. Affandi Hassan itu merangkumi bukan sahaja golongan “penyair”, tetapi juga “pelukis” (yang dianggap oleh Plato lebih rendah daripada tukang kayu). Justeru, adalah tepat apabila Mohd. Affandi Hassan menganggap

bahawa Plato meletakkan “sasterawan” (termasuk pelukis dan penyair) lebih rendah daripada tukang kayu.

Menurut Mohamad Mokhtar Hassan (2002:17) lagi, pembezaan antara golongan “sasterawan” dengan “pengarang” juga dianggap memperlihatkan kontradiksi. Hal ini kerana dalam halaman 392 (*Pujangga Melayu*), Mohd. Affandi Hassan menggolongkan tokoh-tokoh seperti Hemingway, Pramoedya Ananta Toer, Chairil Anwar, Goethe, Shakespeare, Thomas Mann, Pirandillo, Cervantes, Dostoevski dan Tolstoy, sebagai “sasterawan”. Manakala tokoh-tokoh seperti Jalaluddin Rumi, Jami, Iqbal, Amir Hamzah, Hamzah Fansuri dan Firdausi pula digolongkan sebagai “pengarang”. Namun, dalam halaman (*Pujangga Melayu*) yang sebelumnya iaitu 168, Mohd. Affandi Hassan menggolongkan pula Tolstoy sebagai “pengarang”. Justeru, Mohamad Mokhtar Hassan mempersoalkan sama ada tokoh tersebut tergolong sebagai “sasterawan” atau “pengarang”, sebagaimana yang dijelaskan oleh Mohamad Mokhtar Hassan dalam petikan berikut:-

Dalam suatu konteks yang lain Mohd. Affandi Hassan menamakan tokoh-tokoh para sasterawan ialah seperti Hemingway, Pramoedya Ananta Toer, Chairil Anwar, Goethe, Shakespeare, Thomas Mann, Pirandillo, Cervantes, Dostoevski dan Tolstoy. Manakala kelompok yang dikatakan para pengarang ialah Jalaluddin Rumi, Jami, Iqbal, Amir Hamzah, Hamzah Fansuri dan Firdausi (hlm. 392). Pengelompokan ini bercanggah dengan kenyataan beliau terdahulu yang menyatakan bahawa para pengarang terdiri daripada Jalaluddin Rumi, Firdausi, Jami, Iqbal, Za’ba, Haji Agus Salim, Tagore, Tolstoy dan Voltaire (hlm 168). Persoalannya di manakah penggolongan pengarang yang betul? Apakah Tagore, Tolstoy dan Voltaire boleh digolongkan dalam kelompok pengarang? (Mohamad Mokhtar Hassan, 2002:17).

Terlepas daripada soal fakta ini, lebih penting ialah Mohamad Mokhtar Hassan (2002:18) tidak menafikan bahawa novel *Pujangga Melayu* telah memperlihatkan “kelainannya” (istilah Mohamad Mokhtar Hassan sendiri). Hal ini kerana Mohd. Affandi Hassan secara jelas memanfaatkan *Pujangga Melayu* sebagai wadah untuk membahaskan tentang Persuratan Baru. *Pujangga Melayu* juga dikatakan menggabungkan beberapa disiplin seperti sejarah, serta teori dan kritikan sastera, selain turut menyisipkan beberapa genre sastera seperti cerpen, sajak, gurindam dan syair. Dalam konteks inilah, Mohamad Mokhtar Hassan (2002:18) menganggap *Pujangga Melayu* sebagai sebuah “novel aneka disiplin dan genre” (istilah Mohamad Mokhtar Hassan sendiri), sebagaimana yang dijelaskan oleh Mohamad Mokhtar Hassan dalam petikan berikut:-

Justeru itu dapat dikatakan novel [*Pujangga Melayu*] ini merupakan novel aneka disiplin dan genre kerana ia menggabungkan disiplin sejarah dan genre teori sastera, kritikan, cerpen, sajak, gurindam, syair dan sebagainya. Namun semuanya dilakukan oleh pengarang dengan hasrat untuk menampilkan sesuatu yang baru sepertimana usaha pengarang memperkenalkan teori Persuratan Baru (Mohamad Mokhtar Hassan, 2002: 18).

Secara keseluruhannya, kertas kerja Mohamad Mokhtar Hassan ini memperakukan *Pujangga Melayu* terhadap ilmu yang antaranya ketara dengan penampilan watak protagonisnya yang merupakan seorang ilmuwan. Selain itu, usaha novel itu sendiri yang dikesan membahaskan pemikiran berkaitan teori ilmu, hakikat kejadian insan dan hakikat amal. Turut terserlah dalam *Pujangga Melayu* menurut Mohamad Mokhtar Hassan ialah kritikan terhadap beberapa jenis bidang pekerjaan termasuk pembezaan antara tugas “sasterawan” dengan “pengarang”. Dengan kelebihan ini, adalah jelas bahawa novel *Pujangga Melayu* disambut dalam kertas kerja Mohamad Mokhtar Hassan sebagai sebuah novel ilmu.

‘Pujangga Melayu, Pujangga Idaman: Problematika Identiti Melayu-Muslim Malaysia’ Oleh Shamsul Amri Baharuddin

Seterusnya, makalah ini membincangkan kertas kerja oleh Shamsul Amri Baharuddin yang bertajuk “*Pujangga Melayu, Pujangga Idaman: Problematika Identiti Melayu-Muslim Malaysia*” (2002). Shamsul Amri Baharuddin memulakan perbincangannya dengan perakuan bahawa *Pujangga Melayu* merupakan sebuah karya sastera yang “luar biasa” (istilah Shamsul Amri Baharuddin sendiri). Keluarbiasaan yang dimaksudkan itu merujuk kepada antaranya aspek teknik terutamanya pemanfaatan genre lain seperti prosa dan puisi, atau dinamakan oleh Mohd. Affandi Hassan sendiri sebagai teknik “sisipan”. Begitu juga perakuan Shamsul Amri Baharuddin terhadap isi kandungan novel yang dianggapnya sarat dengan mesej dan falsafah yang bersifat ilmiah. Lebih menarik apabila Shamsul Amri Baharuddin membangkitkan tentang isu seksualiti yang dianggapnya menarik jika dilihat dari perspektif kemaskulinan (2002: 1). Pandangan Shamsul Amri Baharuddin ini mendapat reaksi daripada Mohd. Affandi Hassan yang menganggap bahawa jika perspektif kemaskulinan yang dibangkitkan oleh Shamsul Amri Baharuddin tersebut berkait dengan isu poligami, maka beliau (merujuk Mohd. Affandi Hassan) menegaskan bahawa isu poligami yang dibawa dalam *Pujangga Melayu* adalah satu penyelesaian intelektual yang relevan, di samping diangkat martabatnya seperti yang dianjurkan dalam Islam, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan berikut:-

Lebih terhibur lagi apabila beliau berkata bahawa novel itu mengemukakan isu seksualiti yang halus daripada perspektif kemaskulinan. Jadi seolah-olah *Pujangga Melayu* sebuah novel maskulin. Saya tidak pasti yang maskulin itu novelnya, atau ideanya, atau watak utamanya. Shamsul Amri memaksudkan watak utama yang mengamalkan poligami, tetapi saya tidak melihatnya dalam konteks itu. Poligami menjadi masalah kepada segolongan pembaca, walaupun dalam novel ini poligami merupakan penyelesaian intelektual yang munasabah ... Oleh itu, saya menghidupkan persoalan ini sebagai dinamika sosial dalam masyarakat Islam dan meletakkannya di tempat yang terhormat, seperti yang dimaksudkan dalam ajaran Islam (Mohd. Affandi Hassan, 2002: 6).

Lanjutan itu, Shamsul Amri Baharuddin berpendapat bahawa keluarbiasaan *Pujangga Melayu* terletak pada ilmu yang disampaikan oleh Mohd. Affandi Hassan, antaranya diperolehi melalui pengalaman beliau terlibat dalam dunia sastera. Sebagai seorang ahli sains sosial, Shamsul Amri Baharuddin menjelaskan bahawa beliau lebih tertarik dengan “mesej besar”

termasuk dari segi intelektual dan *praxis* (formal) yang diketengahkan dalam novel ini. “Mesej besar” yang dimaksudkan oleh Shamsul Amri Baharuddin itu merujuk kepada persoalan “Kemelayuan” (*Malayness*) yang ditinjau daripada perspektif identiti “Melayu-Muslim”. Dengan kekuatan itu, kertas kerja Shamsul Amri Baharuddin ini bertujuan membincangkan *Pujangga Melayu* dengan memberikan fokus terhadap soal pembentukan identiti Melayu-Muslim. Untuk itu, Shamsul membahagikan kertas kerjanya kepada empat aspek iaitu konseptual, pemerihalan dan penghuraian, analitikal, dan kepengarangan. Merujuk kepada aspek konseptual, Shamsul Amri Baharuddin (2003: 3) berpendapat bahawa *Pujangga Melayu* mempersepsikan identiti “Melayu-Muslim” sebagai satu persoalan yang dinamik serta problematik. Justeru, novel Mohd. Affandi Hassan ini dikatakan mengambil pendekatan untuk menangani persoalan tersebut (identiti “Melayu-Muslim”) berdasarkan kerangka Islam. Malah menurut Shamsul Amri Baharuddin, Islam menjadi satu kerangka tunggal yang menunjangi novel *Pujangga Melayu* secara keseluruhannya (Shamsul Amri Baharuddin (2002: 4). Berdasarkan kepada kerangka Islam inilah, Shamsul Amri Baharuddin menjelaskan bahawa *Pujangga Melayu* menyediakan satu dikotomi yang secara konseptualnya membezakan antara falsafah persuratan yang dianggap berteraskan tradisi keilmuan Islam, dengan falsafah sastera yang dianggap bersifat sekular. Aspek konseptual ini diperjelaskan melalui beberapa teknik antaranya petikan Muhammad Iqbal (1877-1938) yang merupakan seorang pujangga Islam yang terkenal, selain bentuk wacana yang disampaikan melalui watak-watak seperti Tok Ayah. Dalam konteks ini, Shamsul Amri Baharuddin berpendapat bahawa novel *Pujangga Melayu* menganjurkan idea Islamisasi ilmu (*Islamization of knowledge*) yang digagaskan oleh Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam bukunya *Islam and Secularism* (1978).

Selain itu, Shamsul Amri Baharuddin juga berpendapat bahawa *Pujangga Melayu* “menganjurkan poligami bersifat aman” (ayat Shamsul Amri Baharuddin sendiri) dengan membawa masuk watak Aisyah, iaitu wanita Arab-Palestin yang menerima poligami berbanding watak wanita Melayu (2002: 4), sebagaimana yang dijelaskan oleh Shamsul Amri Baharuddin dalam petikan berikut:-

Dengan menganjurkan poligami bersifat ‘aman’, dan menggunakan watak Aisyah, seorang wanita berketurunan Arab-Palestin, pun cukup menarik. Kerana MAH [Mohd. Affandi Hassan] terpaksa mengimport watak ini untuk memperkukuh pendekatan beliau kerana beliau semacam ragu watak Melayu mampu menerima dan memimpin sebuah rumahtangga seorang lelaki Melayu-Muslim yang beristeri empat (Shamsul Amri Baharuddin, 2002: 4).

Dapat dikatakan bahawa pemahaman Shamsul Amri Baharuddin di atas berasaskan kepada cerita dalam novel ini yang antaranya mengisahkan kehidupan watak protagonisnya, Profesor Awang dengan empat orang wanita dinikahnya secara sah. Isteri-isteri Profesor Awang pula merupakan wanita-wanita terpelajar (tiga orang pemegang ijazah kedoktoran dan seorang arkitek) yang cerdik serta berfikiran kritis, sebagaimana yang terserlah pada isu-isu yang dibahaskan. Dengan itu, dapat dikatakan bahawa poligami dalam *Pujangga Melayu* diperlihatkan sebagai satu ikatan perkahwinan yang mulia dan bukannya menjadi punca perpecahan dalam institusi kekeluargaan. Malah, poligami dalam *Pujangga Melayu* diperlihatkan sebagai satu mekanisme (istilah Mohd. Affandi Hassan “dinamika sosial”) yang

boleh dimanfaatkan bagi menangani isu-isu yang timbul ekoran daripada perubahan semasa dalam masyarakat. Dengan itu, poligami dalam *Pujangga Melayu* didasarkan kepada keperluan intelektual watak-watak yang terpelajar, dan bukannya atas desakan hawa nafsu mereka. Merujuk kepada ceritanya yang seumpama ini, Mohd. Affandi Hassan menjelaskan bahawa cerita yang sedemikian (“poligami bersifat aman”) bertitik tolak daripada pemahaman beliau untuk memperbetulkan kekeliruan tentang Islam, termasuk hukum yang menghalalkan poligami. Pada hemat Mohd. Affandi Hassan, kekeliruan inilah yang telah sekian lama mendasari persepsi masyarakat Melayu tentang poligami menurut Islam, sebagaimana yang diujahkan oleh beliau menerusi petikan berikut:-

Poligami menjadi masalah kepada segolongan pembaca, walaupun dalam novel ini poligami merupakan penyelesaian intelektual yang munasabah. Saya mengemukakan persoalan yang menjadi masalah kepada pembaca sebagai sumbangan penting saya kepada pelaksanaan hukum Islam yang tidak popular ini di Malaysia, dengan menjadikannya asas sebuah keluarga besar seorang intelektual Melayu. Oleh itu, saya menghidupkan persoalan ini sebagai dinamika sosial dalam masyarakat Islam dan meletakkannya di tempat yang terhormat, seperti yang dimaksudkan dalam ajaran Islam (Mohd. Affandi, 2002: 6).

Dengan cerita tentang poligami yang sedemikian, kertas kerja Shamsul Amri Baharuddin membangkitkan pendekatan Mohd. Affandi Hassan yang dikatakan “terpaksa” menampilkan watak wanita Palestin yang beragama Islam (bernama Dr. Aisyah) sebagai salah seorang isteri Profesor Awang. Daripada empat wanita yang dinikahi oleh Profesor Awang itu, hanya seorang sahaja yang berbangsa Melayu iaitu Tengku Aini Faridah. Manakala tiga yang lain merupakan wanita bukan Melayu; Dr. Aisyah berbangsa Palestin, Dr. Faridah berbangsa Jerman dan Dr. Sarasvati/Salasiah berbangsa India. Shamsul Amri Baharuddin melihat bahawa pemilihan watak wanita rata-rata bukan Melayu (sebagai isteri-isteri Profesor Awang) sebagai sesuatu yang signifikan dari segi logik cerita. Hal ini kerana Shamsul Amri Baharuddin (2002: 4) berpendapat adalah sukar untuk meyakinkan pembaca jika cerita tentang “poligami yang aman” ini didukung oleh watak-watak wanita Melayu. Dalam konteks inilah, persoalan identiti “Kemelayuan” (*Malayness*) menurut Shamsul Amri Baharuddin ditangani dalam *Pujangga Melayu* terutamanya dalam konteks penerimaan wanita Melayu terhadap poligami yang pada dasarnya dibenarkan oleh Islam, sebagaimana yang dijelaskan oleh Shamsul Amri Baharuddin dalam petikan berikut:-

Dari segi pemerihal dan penghuraian mengenai identiti Melayu-Muslim banyak lagi contoh dalam novel ini yang boleh diketengahkan dalam mana MAH [Mohd. Affandi Hassan] telah menekankan mengenai peri pentingnya prinsip Islam, atau lemahnya amalan bercorak Islam, dalam pembinaan identiti Melayu-Muslim di Malaysia. Nampaknya, hanya Arab-Palestin tulen sahaja yang boleh mengamalkan prinsip ini sedangkan lelaki dan perempuan Melayu masih lagi mencari-cari jalan Islam yang sebenar --- kecuali Awang, dan saya tak pasti samada Tok Ayah mampu berpoligami atau hanya mampu berfalsafah (Shamsul Amri Baharuddin, 2002: 5).

Dapat dikatakan bahawa kenyataan Shamsul Amri Baharuddin seperti yang dipetik di atas cenderung melihat soal penerimaan terhadap poligami ada kaitannya dengan identiti “kemelayuan”. Walau bagaimanapun kecenderungan ini berbeza dengan pemahaman Mohd. Affandi Hassan sendiri yang berpendapat bahawa penolakan poligami oleh masyarakat Melayu pada dasarnya disebabkan oleh kejahilan, sebagaimana yang dijelaskannya oleh beliau, “Alangkah banyaknya pembetulan kekeliruan terhadap hukum Islam yang harus dilakukan oleh orang Melayu, supaya kejahilan tidak lagi menjadi asas penentangan terhadap poligami sebagai hukum Islam yang dimomokkan dengan kezaliman, penindasan terhadap wanita, dan punca keruntuhan rumah tangga” (Mohd. Affandi Hassan, 2002: 6).

Seterusnya, kertas kerja Shamsul Amri Baharuddin membicarakan *Pujangga Melayu* dari aspek pemerihalan dan penghuraian, atau manifestasi aspek konseptual yang dilihat dalam konteks pembinaan identiti “Melayu-Muslim”. Merujuk kepada aspek ini, Shamsul Amri Baharuddin (2003: 5) berpendapat bahawa *Pujangga Melayu* memperlihatkan beberapa manifestasi yang dianggap ketara. Antaranya ialah soal pentingnya prinsip Islam ditegakkan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Dalam hal ini, Shamsul Amri Baharuddin berpendapat *Pujangga Melayu* cenderung memperlihatkan kelemahan masyarakat Melayu dalam menegakkan prinsip Islam. Pendapat ini disandarkan pada manifestasi poligami yang dianggapnya memperagakan keberatan watak-watak Melayu untuk menerima hukum perkahwinan (poligami) yang diharamkan oleh Islam itu. Ini termasuklah watak Tok Ayah iaitu datuk Profesor Awang yang diceritakan banyak membentuk sikap serta pendirian protagonis tersebut terhadap ilmu. Menurut Shamsul Amri Baharuddin, tindak-tanduk Tok Ayah tidak mampu untuk meyakinkan bahawa watak tersebut bersedia menerima poligami sepenuhnya. Adalah jelas pada Shamsul Amri Baharuddin bahawa dari aspek pemerihalan dan penghuraian dalam kalangan watak-watak Melayu, hanya watak Profesor Awang sahaja yang dianggap mampu memantapkan secara total penerimaan terhadap poligami, sebagaimana yang diungkapkannya, “Kecuali Awang dan saya [Shamsul Amri Baharuddin] tidak pasti sama ada [watak] Tok Ayah mampu berpoligami atau mampu berfalsafah” (Shamsul Amri Baharuddin, 2002: 5). Dalam konteks inilah, Shamsul Amri Baharuddin berpendapat bahawa *Pujangga Melayu* memantapkan kelemahan masyarakat Melayu dalam menegakkan prinsip Islam. Hal ini menurutnya bertentangan pula dengan watak Arab yang diwakili oleh watak Aisyah, wanita berbangsa Arab-Palestin yang dianggap oleh Shamsul Amri Baharuddin lebih bersedia menerima poligami, berbanding watak-watak Melayu sebagaimana yang dituliskannya, “Nampaknya, hanya Arab-Palestin tulen sahaja yang boleh mengamalkan prinsip ini sedangkan [watak-watak] lelaki dan perempuan Melayu masih lagi mencari-cari jalan Islam yang sebenar” [Garisian ditambah] (Shamsul Amri Baharuddin, 2002: 5).

Bacaan serta kesimpulan Shamsul Amri Baharuddin seperti di atas mengundang beberapa perbincangan penting. Antaranya soal keraguan Shamsul Amri Baharuddin terhadap kesediaan watak Tok Ayah dalam melaksanakan poligami. Sehubungan itu, penting dijelaskan bahawa dalam konteks penceritaan, kehadiran watak Tok Ayah rata-rata berfungsi bagi membereskan perkara-perkara berkaitan hakikat ilmu menurut pandangan hidup Islam, yang juga merupakan isu pokok yang ditangani dalam novel *Pujangga Melayu*. Oleh yang demikian, sebahagian besar ruang naratif (bahagian awal novel) diperuntukkan bagi membolehkan watak Tok Ayah menghuraikan persoalan ilmu menurut Islam (Shamsul Amri Baharuddin menyebutnya sebagai aspek “konseptual”). Lebih penting lagi ialah keperibadian serta akhlak Tok Ayah yang

dimanifestasikan seiring dengan prinsip Islam. Dalam konteks ini, manifestasi watak Tok Ayah dapat dianggap menyerlahkan kesediaan dalam melaksanakan prinsip Islam. Justeru, dapat dikatakan bahawa perihal watak Tok Ayah yang tidak berpoligami itu tidak tepat untuk dijadikan ukuran dalam menilai kesediaan watak-watak Melayu dalam menegakkan prinsip Islam. Selain itu ialah bacaan bahawa hanya watak Aisyah yang berbangsa Arab-Palestin sahaja yang boleh menerima poligami. Bacaan ini boleh dipertikaikan kerana watak Tengku Aini Faridah yang berbangsa Melayu juga diperlihatkan bukan sahaja menerima serta bersedia melibatkan diri dalam poligami, tetapi turut memainkan peranan yang proaktif dalam kehidupan poligami Profesor Awang. Peranan ini ketara apabila watak Tengku Aini Faridah antaranya menetapkan peraturan secara saksama giliran bermalam, selain menyumbang harta benda serta idea bagi membina “Teratak Desa” iaitu sebuah kediaman istimewa yang menempatkan rumah-rumah kesemua isteri Awang dalam satu kawasan yang permai. Malah, perceraian Tengku Aini Faridah dengan Profesor Awang (dalam perkahwinan pertama mereka) nyata bukan disebabkan oleh poligami, sebaliknya disebabkan oleh perbezaan kelas sosial (feudalisme). Justeru, agak tidak tepat untuk menyatakan bahawa watak wanita Melayu dalam *Pujangga Melayu* tidak bersedia menerima sepenuhnya poligami, sebagaimana watak wanita Arab-Palestin.

Seterusnya kertas kerja Shamsul Amri Baharuddin turut membicarakan *Pujangga Melayu* dari aspek analitikal. Berdasarkan aspek ini, Shamsul Amri Baharuddin (2003: 5) berpendapat bahawa *Pujangga Melayu* mengutamakan institusi sosial dalam kehidupan bermasyarakat. Institusi sosial yang dimaksudkan oleh Shamsul Amri Baharuddin tersebut merangkumi aspek keagamaan, kepimpinan dan birokrasi sastera. Justeru, aspek-aspek tersebut menjadi kerangka analisis dan pegangan pengarangnya dalam mengupas tentang kehidupan berumah tangga kegiatan sastera dan kepimpinan dalam *Pujangga Melayu*. Jelas di sini bahawa menurut Shamsul Amri Baharuddin, Mohd. Affandi Hassan selaku pengarang novel *Pujangga Melayu* mengutamakan analisis yang bertunjangan “*authority-defined*” (istilah Shamsul Amri Baharuddin sendiri). Dalam hal ini, Shamsul Amri Baharuddin menjelaskan bahawa “*authority-defined*” tersebut merujuk kepada pendekatan yang digunakan oleh Mohd. Affandi Hassan yang berpegang kepada pentakrifan golongan berwibawa dalam sesebuah institusi sosial terutama keluarga dan masyarakat. Pentakrifan golongan berwibawa tersebut jelas menurut Shamsul Amri Baharuddin dapat dilihat melalui watak Tok Ayah, Ayah Profesor Awang, sistem darjat Melayu, dan tokoh akademik seperti Syed Muhammad Naquib Al-Attas. Shamsul Amri Baharuddin (2002: 5) juga berpendapat bahawa *Pujangga Melayu* tidak sepenuhnya berpegang kepada “*everyday-defined*”. Dalam hal ini, Shamsul Amri Baharuddin menjelaskan bahawa “*everyday-defined*” merujuk kepada perkara-perkara yang bersifat “*phenomenological*” (istilah Shamsul Amri Baharuddin sendiri) dan berasaskan aksi sosial serta pengalaman manusia. Justeru, terdapat juga beberapa bahagian dalam *Pujangga Melayu* yang menunjukkan bahawa pengarangnya tidak berminat dengan pendekatan pascamoden, sebagaimana yang dijelaskan oleh Shamsul Amri Baharuddin dalam petikan berikut:-

Jelas sekali beliau mengutamakan analisis yang berpaksikan ‘*authority-defined*’, yakni suatu pendekatan yang berpegang kepada pentakrifan golongan yang berwibawa dalam masyarakat dan keluarga, samada melalui watak Tok Ayah atau Ayah si Awang, atau sistem darjat Melayu, dan tokoh akademik seperti Syed Naguib Al-Attas. MAH [Mohd. Affandi Hassan] tidak memberatkan perspektif ‘*everyday-defined*’ yang mementingkan hal-hal yang

bersifat phenomenological dan berasaskan *social action* dan pengalaman manusia. Terdapat kadang-kadang MAH [Mohd. Affandi Hassan] menunjukkan bahawa beliau tak gemar sangat dengan pendekatan post-modernisme (Shamsul Amri Baharuddin, 2002: 5-6).

Dari segi kepengarangan pula, Shamsul Amri Baharuddin (2002:6) mendapati bahawa terdapat sesuatu yang bertentangan dalam novel ini terutama kedudukan Mohd. Affandi Hassan itu sendiri. Hal ini kerana di satu pihak, Mohd. Affandi Hassan telah menggariskan perbezaan maksud, tanggungjawab dan sifat antara pengarang dengan sasterawan. Perbezaan tersebut jelas menurut Shamsul Amri Baharuddin (2002:6) bahawa Mohd. Affandi Hassan menggambarkan sasterawan sebagai satu watak yang hina kedudukannya di sisi Islam kerana menurut Mohd. Affandi Hassan mereka adalah makhluk khayal yang tidak berilmu. Dalam hal ini, Shamsul Amri Baharuddin (2002:6) mempersoalkan kedudukan Mohd. Affandi Hassan dan karya sasteranya yang berjudul *Pujangga Melayu*. Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2002:6), adakah Mohd. Affandi Hassan ingin digelar sebagai pengarang disebabkan keluarbiasaan karyanya yang bersifat seakan-akan buku ilmiah, bukannya sebuah fiksiyen atau karya khayalan perasaan seorang sasterawan, sebagaimana yang dijelaskan oleh Shamsul Amri Baharuddin dalam petikan berikut:-

Kalaulah sasterawan begitu terhina kedudukannya dari segi Islam kerana, menurut MAH [Mohd. Affandi Hassan], ‘mereka adalah makhluk khayal yang tidak berilmu’, apa jadi pada MAH [Mohd. Affandi Hassan] dan karya sasteranya berjudul *Pujangga Melayu* (1997) yang saya anggap sebagai suatu karya sastera yang luarbiasa? Apakah beliau mahu kita memanggilnya seorang pengarang kerana keluarbiasaan karya ini, sehingga novel empat serangkai ini adalah sebenarnya sebuah buku ilmiah bukan fiksiyen atau karya khayalan perasaan seorang sasterawan? Apakah MAH [Mohd. Affandi Hassan] mahu kita anggap beliau sebagai seorang ulamak? Atau, ini hanya merupakan satu keangkohan egoistis seorang sasterawan yang ingin mengukir nama dalam dunia sastera di Malaysia (Shamsul Amri Baharuddin, 2002: 6-7).

Namun begitu, terlepas daripada persoalan tersebut, Shamsul Amri Baharuddin (2002:7) merumuskan bahawa Mohd. Affandi Hassan telah berjaya menghasilkan sebuah karya yang membincangkan soal problematika dalam pembentukan identiti Melayu-Muslim di Malaysia. Shamsul Amri Baharuddin (2002:7) juga menunjukkan bahawa novel *Pujangga Melayu* berjaya mewujudkan krisis dalam kalangan orang Melayu, khususnya ketika orang Melayu menghadapi pelbagai cabaran seperti proses pembaratan, migrasi serta cabaran ilmu dalam dunia akademik dan sastera di Malaysia. Justeru, menurut Shamsul Amri Baharuddin (2002:7), krisis tersebut juga turut terjelma dalam diri Mohd. Affandi Hassan sendiri, iaitu tentang kedudukannya sama ada sebagai sasterawan atau pengarang. Malah, perbincangan Shamsul Amri Baharuddin yang bertajuk “*Pujangga Melayu, Pujangga Idaman*” ini juga adalah berdasarkan pengamatannya terhadap novel *Pujangga Melayu* yang memaparkan mesej yang diidamkan oleh pengarangnya (merujuk kepada Mohd. Affandi Hassan). Justeru dapat dikatakan bahawa perkataan “idaman” yang terkandung dalam judul kertas kerja Shamsul Amri Baharuddin rata-rata merujuk kepada tonggak perjuangan Mohd. Affandi Hassan itu sendiri. Artikel Shamsul Amri Baharuddin diakhiri dengan persoalan tentang penggolongan novel *Pujangga Melayu*, iaitu sama ada sebagai genre sastera Islam atau sastera Melayu yang menegakkan Islam, sebagaimana yang diungkapkan oleh Shamsul Amri Baharuddin dalam petikan berikut:-

Kita boleh anggap bahawa idaman MAH [Mohd. Affandi Hassan] ini adalah cogan perjuangan sastera beliau selama ini. Kepada pengkritik sastera ingin saya tanyakan adakah karya MAH [Mohd. Affandi Hassan] ini boleh kita golongkan dalam genre ‘sastera Islam’ atau ‘sastera Melayu’ yang menegakkan KeIslaman? (Shamsul Amri Baharuddin, 2002: 7).

Secara keseluruhannya, kertas kerja Shamsul Amri Baharuddin memperakukan *Pujangga Melayu* sebagai sebuah karya yang “luar biasa”, antaranya kerana stail penulisannya yang memanfaatkan genre-genre sastera yang lain seperti prosa dan puisi. Tidak ketinggalan ialah perakuan Shamsul Amri Baharuddin bahawa *Pujangga Melayu* sarat dengan mesej dan falsafah yang antaranya menyentuh soal seksualiti khususnya poligami. Lebih penting ialah “mesej besar” yang diutarakan *Pujangga Melayu*, iaitu persoalan “Kemelayuan” (*Malayness*) yang ditangani berasaskan kerangka Islam. Dengan kerangka ini, *Pujangga Melayu* meneroka aspek-aspek berkaitan kesusasteraan, persuratan, dan kehidupan berumah tangga termasuk poligami. Adalah jelas bahawa novel *Pujangga Melayu* disambut dalam kertas kerja Shamsul Amri Baharuddin sebagai sebuah novel yang mengutarakan pemikiran.

‘Pujangga Melayu Oleh Mohd. Affandi Hassan: Satu Perbincangan Awal’ oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir

Perbincangan ini dimulakan dengan membincangkan kertas kerja oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir yang bertajuk “*Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi Hassan: Satu Perbincangan Awal”. Ungku Maimunah Mohd. Tahir memulakan perbincangan dengan melakarkan secara sepintas lalu tentang latar belakang dan konteks kelahiran novel *Pujangga Melayu*. Menurut Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2002: 4), *Pujangga Melayu* merupakan sebuah karya kreatif yang menawarkan pemahaman yang jelas tentang Islam dan kedudukan sastera dari segi agama (Islam). Tambah Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2002: 6) lagi, *Pujangga Melayu* telah memperagakan beberapa aspek yang saling berkaitan seperti sastera, sasterawan, penghasilan karya kreatif, persuratan, pengarang dan kepengarangan. Kesemua aspek tersebut telah mendominasi perbincangan dalam novel *Pujangga Melayu*. Manakala watak yang dibawa dalam novel ini hanya bertujuan untuk melengkapkan cerita, kedudukan cerita, konflik dan peristiwa. Sehubungan itu, Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2002: 6) menegaskan bahawa setiap dialog yang diujarkan oleh watak utamanya, iaitu Awang merupakan ulangan daripada idea atau penjelasan yang pernah diutarakan oleh Mohd. Affandi Hassan dalam tulisannya yang bukan kreatif seperti buku ilmiah dan esei akademik. Oleh itu, Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2002: 7) berpendapat bahawa hakikat tersebut menunjukkan tiada perbezaan antara tulisan kreatif dan tulisan bukan kreatif sebagai saluran untuk menyampaikan idea. Hal ini jelas memberikan gambaran tentang pengertian dan pemahaman Mohd. Affandi Hassan mengenai status dan fungsi tulisan kreatif, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir dalam petikan berikut:-

Justeru itu, status ide-ide [idea] yang terserlah dalam novel ini adalah setara dengan ide-ide [idea] yang disuarakan dalam tulisan-tulisan bukan kreatif atau esei akademik beliau. Seterusnya, secara logik, ide-ide [idea] tersebut juga menikmati kewibawaan dan kesahihan

yang sama seperti yang diberikan kepada ide-ide [idea] dalam tulisan esei dan akademik. Hakikat ini, iaitu tidak adanya perbezaan antara tulisan kreatif dan tulisan bukan-kreatif sebagai wadah ide [idea], dengan sendirinya memberi isyarat atau gambaran tentang takrifan dan persepsi MAH [Mohd. Affandi Hassan] mengenai kedudukan dan peranan tulisan kreatif (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2002: 6-7).

Selain itu, Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2002: 11) juga berpendapat bahawa *Pujangga Melayu* merupakan sebuah karya persuratan yang mengetengahkan ilmu dan disebabkan itu pembaca perlu memberi fokus terhadap idea dan makna serta lapisan-lapisan makna yang membentuk idea, bukannya cerita. Selaras dengan kedudukannya yang mengutamakan ilmu, *Pujangga Melayu* memanfaatkan proses pengisian dan pementapan watak Awang, serta kesan daripada proses tersebut. Justeru, Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2002: 13) berpendapat bahawa *Pujangga Melayu* telah memberikan tumpuan terhadap pembentukan watak Awang sebagai tokoh yang sesuai menjadi pengarang. Oleh itu, nama, gelaran dan rekod akademik menjadi tanda kekuatan watak Awang sebagai seorang pengarang. Menurut Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2002: 13) lagi, *Pujangga Melayu* juga merupakan novel yang berjaya mengemukakan rujukan dan tokoh yang benar-benar wujud dan dapat dipastikan kebenarannya. Hal ini menjadikan pengarang novel *Pujangga Melayu* (merujuk kepada Mohd. Affandi Hassan) sebagai seorang yang berwibawa kerana Mohd. Affandi Hassan perlu membaca buku-buku daripada rujukan tersebut supaya dapat menghasilkan tulisan yang berkualiti. Langkah tersebut menjadikan *Pujangga Melayu* sangat dinamik kerana memerikan watak Awang dan watak (atau keperibadian) Mohd. Affandi Hassan secara serentak, khususnya dari segi pengisian ilmu. Kesejajaran ini telah memperkukuhkan konsep pengarang dan kepengarangan yang dijana dalam *Pujangga Melayu*. Keadaan ini sekaligus mengaitkan Awang, Mohd. Affandi Hassan dan *Pujangga Melayu* dalam satu ikatan yang mantap dan saling berhubung antara satu sama lain. Justeru, keterikatan tersebut menjadikan novel *Pujangga Melayu* lebih “realistik” (ungkapan Ungku Maimunah Mohd. Tahir sendiri) kerana tidak ada ruang yang memisahkan watak, pengarang dan karya, malah apa yang diyakini oleh Awang turut diyakini oleh Mohd. Affandi Hassan dan *Pujangga Melayu* adalah karya yang menterjemahkan keyakinan tersebut, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir dalam petikan berikut:-

Sesungguhnya, dengan menulis PM, MAH [Mohd. Affandi Hassan] menawarkan dirinya untuk diadili – adakah MAH [Mohd. Affandi Hassan] “cakap serupa bikin”. Ini sekali gus mengaitkan Awang, MAH [Mohd. Affandi Hassan] dan PM [*Pujangga Melayu*] dalam satu keterikatan yang cukup padu dan bergantung. Dan ini juga menjadikan novel PM [*Pujangga Melayu*] lebih “realistik” dan kini (*immediate*) dalam erti kata antara watak, pengarang dan karya tidak ada jurang pemisah. Ini beerti apa yang diyakini Awang, juga diyakini MAH [Mohd. Affandi Hassan] dan PM [*Pujangga Melayu*] adalah bukti keyakinan tersebut (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2002: 14).

Menurut Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2002: 20) lagi, *Pujangga Melayu* turut mengetengahkan kisah yang menunjukkan poligami sebagai sesuatu yang baik, relevan, membahagiakan dan saling lengkap-melengkapi antara pasangan, sekiranya dipraktikkan

dengan betul dan mendalam sebagaimana yang disyariatkan oleh agama Islam. Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2002: 23) juga berpendapat bahawa *Pujangga Melayu* tidak memberikan penekanan terhadap aksi, perasaan atau keadaan alam, sebaliknya lebih mengutamakan idea dan pemikiran yang tidak dapat disalin atau dipindahkan dalam bentuk penceritaan. Oleh itu, kehadiran watak-watak dalam *Pujangga Melayu* lebih merupakan saluran untuk tujuan menyampaikan idea, bukannya memerikan peristiwa atau konflik. Namun begitu, Ungku Maimunah Mohd. Tahir juga tidak terlepas daripada mengemukakan kritiknya terhadap novel *Pujangga Melayu*. Dalam hal ini, Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2002: 26) beranggapan bahawa *Pujangga Melayu* menawarkan wacana Persuratan Baru yang bersifat sehala. Hal ini kerana watak-watak yang berperanan sebagai penyanggah kepada idea-idea Persuratan Baru terdiri daripada watak-watak yang lemah dan penuh emosi, sedangkan pandangan yang berbeza adalah dituntut dalam proses pembinaan wacana ilmu, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir dalam petikan berikut:-

PM [*Pujangga Melayu*] tidak mengandaikan (*anticipate*) sanggahan-sanggahan yang relevan dan justeru itu pelbagai sanggahan yang boleh diajukan tidak disuarakan dalam novel ini. Malah ahli panel yang lain yang memainkan peranan penyanggah (*devil's advocate*) digambarkan sebagai emosional dan kurang berkemampuan dan justeru itu perdebatan tidak memuaskan. Memang benar mewujudkan penentang yang tidak setanding Prof. Awang menguntungkan tujuan novel ini kerana ia dapat memudahkan proses penonjolan PB [Persuratan Baru], namun ia juga menjejaskan pengisian perdebatan tersebut dari segi pandangan kontra, suatu perkara yang sangat bermakna dalam wacana ilmu (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2002: 26).

Selain itu, Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2002: 27) juga berpendapat bahawa *Pujangga Melayu* kurang memanfaatkan dinamika wacana ilmu kerana fahaman dan kesahihan ilmu hanya dapat dipastikan melalui proses perbincangan dan perbahasan yang kritis sahaja. Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2002: 27) juga beranggapan bahawa *Pujangga Melayu* telah menafikan 'cerita' sebagai tempat utama dalam sesebuah karya kreatif. Dalam konteks ini, dapat difahami kenyataan Ungku Maimunah Mohd. Tahir yang pada awal kertas kerjanya menceritakan tentang reaksi para pelajar yang rata-rata menganggap bahawa *Jejak Warisan* tidak mengandungi cerita, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir dalam petikan berikut:-

Sebaliknya, para pelajar merasa sukar untuk membuat sinopsis *Jejak Warisan* kerana, menurut mereka, ia "tidak ada cerita. Apa yang ketara dalam *Jejak Warisan* ialah tidak adanya peristiwa". Ini menunjukkan cerita dalam pengertian konvensional yang menekankan peristiwa tidak ketara atau tidak mudah dikesani dalam *Jejak Warisan*. Bacaan novel *Jejak Warisan* dan juga tiga novel seterusnya membenarkan hakikat ini. Sekiranya *Jejak Warisan* dan secara keseluruhannya *Pujangga Melayu* (PM) itu tidak dapat didekati sebagai cerita (walhal ia adalah sebuah novel), maka bagaimanakah ia harus dibaca dan ditafsirkan atau dihayati (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2002: 5-6).

Kenyataan Ungku Maimunah Mohd. Tahir ini turut menarik perhatian Mohd. Affandi Hassan yang menjelaskan bahawa *Pujangga Melayu* menawarkan siratan makna yang sukar difahami oleh pembaca yang tidak kritis kerana idea yang ditampilkan dalam *Pujangga Melayu* menuntut kepada pembacaan yang teliti dan serius, di samping mengetepikan kebiasaan dalam sastera, dan dengan itu mereka dapat mengadili *Pujangga Melayu*, sebagaimana yang dapat dilihat menerusi petikan berikut:-

Kelahiran *Pujangga Melayu* menuntut pembacaan yang kritis dan diskriminatif dengan citarasa bacaan penulis dan sarjana yang lebih tajam. Mereka harus mengetepikan klise sastera yang biasa mereka pakai jika mereka ingin memahami dan menilai *Pujangga Melayu* dengan saksama (Mohd. Affandi Hassan, 2002: 10).

Terlepas daripada kritikan di atas, Ungku Maimunah (2002:43) berpendapat bahawa gagasan Persuratan Baru dan novel *Pujangga Melayu* perlu diberikan perhatian yang sewajarnya kerana idea yang dibawakan oleh Mohd. Affandi Hassan menuntut kegiatan sastera yang dapat mempertajam akal fikiran pembacanya, di samping meningkatkan mutu pembacaan ke tahap kritis, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir dalam petikan berikut:-

Gagasan PB dan novel PM perlu diberi perhatian yang wajar kerana pada akhirnya kedua-duanya mengajukan satu soalan yang sangat relevan; soalan yang kita juga perlu suarakan, iaitu: “Adakah satu keterlaluan sekiranya sastera Melayu menuntut daripada pengarangnya tulisan yang dapat mengasah fikiran dengan ide-ide yang berenas, dan menuntut daripada pembacanya citarasa bacaan yang lebih tajam, kritis, dan diskriminatif? (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2002: 28).

Secara keseluruhannya, kertas kerja Ungku Maimunah Mohd. Tahir memperakukan *Pujangga Melayu* sebagai novel yang menawarkan perbincangan tentang Islam dan kesusasteraan, terutamanya konsep sastera, sasterawan, persuratan, pengarang dan kepengarangan. Dengan kecenderungan ini, aspek cerita terutamanya dialog watak utamanya, iaitu Awang dimanfaatkan untuk menghadirkan idea serta penjelasan berkenaan perkara-perkara tersebut. Adalah jelas pada Ungku Maimunah Mohd. Tahir bahawa *Pujangga Melayu* tampil sebagai sebuah karya kreatif yang menyampaikan idea dan tidak hanya bercerita semata-mata. Sehubungan itu, aspek-aspek berkaitan penceritaan seperti aksi, perasaan, keadaan alam, dan persekitaran tidak diberikan penekanan bagi membolehkan idea dibahaskan secara mendalam. Malah, aspek-aspek berkaitan cerita terutamanya watak digembleng bagi membahaskan idea. Dengan kelebihan ini, adalah jelas bahawa novel *Pujangga Melayu* disambut dalam kertas kerja Ungku Maimunah Mohd. Tahir sebagai sebuah novel yang mengutamakan idea dan mengkesampingkan cerita.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis terhadap tiga resepsi awal yang diterima *Pujangga Melayu*, iaitu “*Pujangga Melayu: Mohd. Affandi Hassan: Satu Interpretasi Pemikiran Pengarang*” oleh Mohamad Mokhtar Hassan, “*Pujangga Melayu, Pujangga Idaman: Problematika Identiti Melayu-Muslim Malaysia*” oleh Shamsul Amri Baharuddin, dan “*Pujangga Melayu oleh Mohd. Affandi Hassan: Satu Perbincangan Awal*” oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir, dapat disimpulkan bahawa *Pujangga Melayu* berupaya dalam mempertahankan kecenderungannya terhadap idea dan pemikiran, terutamanya dalam konteks kedudukannya sebagai sebuah novel tetralogi. Novel *Pujangga Melayu* jelas diperakukan dalam kertas kerja Mohamad Mokhtar Hassan sebagai novel ilmu, kertas kerja Shamsul Amri Baharuddin sebagai novel yang mengutarakan pemikiran, dan kertas kerja Ungku Maimunah Mohd. Tahir sebagai novel yang mengutamakan idea. Dalam konteks artikel ini, resepsi awal terhadap *Pujangga Melayu* setelah skop cerita serta tempoh penceritaan keempat-empat novel awal [iaitu *Jejak Warisan* (1994), *Citra Pujangga* (1994), *Tampang Sasterawan* (1994) dan *Wajah Pendeta* (1996)] dirangkumkan di bawah sebuah judul yang sama [merujuk *Pujangga Melayu*], cenderung memperakukan bahawa karya Mohd. Affandi Hassan itu mengutamakan wacana ilmu yang diasaskan kepada idea dan pemikiran. Dengan itu, artikel ini berhasil dalam membincangkan serta merumuskan resepsi awal terhadap novel *Pujangga Melayu* selepas penerbitannya sebagai sebuah novel tetralogi.

Rujukan

- Abdullah Tahir. 1995. Novel-Novel Mohd. Affandi Hassan: Meneliti Kemungkinan Penerapan Konsep “Persuratan Baru Melayu”. Kongres Bahasa Melayu Sedunia: Kumpulan Kertas Kerja Jilid I (A-L). Kuala Lumpur: Urus Setia Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohamad Mokhtar Hassan. 2002. “*Pujangga Melayu: Mohd Affandi Hassan: Satu Interpretasi Pemikiran Pengarang*”, dalam *Diskusi Buku: Pujangga Melayu oleh Mohd. Affandi Hassan*, anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, 27 Februari.
- Mohd. Affandi Hassan. 1994. *Jejak Warisan*. Kuala Lumpur: Penerbit Tiga Puteri.
- Mohd. Affandi Hassan. 1994. *Citra Pujangga*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd. Affandi Hassan. 1994. *Tampang Sasterawan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd. Affandi Hassan. 1996. *Wajah Pendeta*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd. Affandi Hassan. 1997. *Pujangga Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd. Affandi Hassan. 2002. “*Pujangga Melayu dan Persuratan Baru Menjadi Duri dalam Daging Sastera Melayu Moden*”, *Dewan Sastera*, Ogos: 6-11.
- Mohd. Affandi Hassan. 2017. *Pujangga Melayu*. Kuala Lumpur. Penerbit Wadi Al-Irfan.
- Ratu Adil. 1994. “Konsep Persuratan Baru Affandi Kabur”. *Utusan Zaman*, 20.

- Shamsul Amri Baharuddin. 2002. “*Pujangga Melayu*, Pujangga Idaman: Problematika Identiti Melayu-Muslim Malaysia”, dalam *Diskusi Buku: Pujangga Melayu oleh Mohd. Affandi Hassan*, anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, 27 Februari.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2002. “Bagaimanakah *Pujangga Melayu* Harus Ditafsirkan”, *Dewan Sastera*, Ogos: 36-43.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2002. “*Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi Hassan: Satu Perbincangan Awal”, dalam *Diskusi Buku: Pujangga Melayu oleh Mohd. Affandi Hassan*, anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, 27 Februari.
- Zainol Idris. 1995. “*Tampang Sasterawan: Persuratan Lawan Kesusasteraan*”. *Berita Minggu*, 42.